



UniKL
UNIVERSITI
KUALA LUMPUR



MARA
CORPORATION

TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

MAJLIS PENYERAHAN PERANTISISWA
KELUARGA MALAYSIA PERINGKAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR (KPLB)

20 OKTOBER 2022 (KHAMIS)
UNIKL KAMPUS KOTA



Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Penyerahan Perantisiswa Keluarga Malaysia Peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) serta Mara Corporation kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan Penyerahan Perantisiswa Keluarga Malaysia Peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
3. Ucapan terima kasih turut saya rakamkan kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana menjayakan program pada pagi ini.
4. Majlis yang diadakan pada hari ini adalah rentetan daripada inisiatif kerajaan untuk membantu mahasiswa B40 sepenuh masa bagi memastikan proses pengajian mereka terus terpelihara dan meneruskan pengajian dengan lebih cemerlang.

PERANTISISWA KELUARGA MALAYSIA

Hadirin dan mahasiswa yang dikasihi sekalian,

5. Inisiatif Perantasiswa Keluarga Malaysia ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 4 September 2022 yang turut menyaksikan bermulanya pengagihan peranti kepada pemohon yang berjaya.
6. Insha Allah majlis pada hari ini akan menyaksikan agihan peranti kepada institusi pengajian di bawah KPLB yang layak memohon kemudahan tersebut iaitu:
 - Universiti Kuala Lumpur (UNIKL);
 - University College Agroscience Malaysia (UCAM);
 - Kolej Universiti Poly-Tech Mara (KUPTM);
 - Kolej Poly-Tech Mara (KPTM); dan
 - German Malaysian Institute (GMI).

7. Pengagihan pada hari ini dimulakan dengan zon tengah terlebih dahulu yang melibatkan UNIKL MIIT, UNIKL Business School, KUPTM KL, KPTM Bangi dan GMI kepada seramai 730 orang penerima yang akan menerima peranti masing-masing dan pihak KPLB dan institusi pendidikan terbabit akan menyusun pengagihan seterusnya dengan pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) sehingga selesai. Pengagihan ini dijangkakan akan dapat disempurnakan pada November 2022.

8. Adalah menjadi harapan pihak kerajaan inisiatif perantisiswa ini akan membantu proses pembelajaran mahasiswa di bawah KPLB dan seterusnya menyuntik semangat mereka untuk mendapat keputusan yang lebih cemerlang.

9. Alhamdulillah setakat hari ini, sebanyak 9,990 permohonan bagi institusi pengajian di bawah KPLB telah diluluskan kepada pelajar dari kumpulan B40 seperti berikut:
- UNIKL – 2,545 Diluluskan
 - UCAM – 87 Diluluskan
 - KUPTM – 557 Diluluskan
 - KPTM – 3,693 Diluluskan
 - GMI – 108 Diluluskan
10. Insyallah sekiranya kerajaan pada hari ini dipilih semula dan terus diberikan mandat untuk mentadbir negara, saya akan mengesyorkan agar inisiatif perantisiswa ini diteruskan dengan lebih banyak institusi pengajian di bawah KPLB seperti Kolej Profesional MARA (KPM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan lain-lain turut menerima manfaat daripada inisiatif yang amat bermakna ini.

11. Untuk makluman semua, yang amat berhormat perdana menteri semasa melancarkan inisiatif perantisiswa ini telah mengumumkan bahawa para mahasiswa akan diberikan terus peranti tersebut dan tidak perlu dipulangkan semula. Pelajar-pelajar ini akan menerima perantisiswa yang merangkumi tablet jenama samsung galaxy tab a8 lte, di samping turut dilengkapi dengan papan kekunci bluetooth, pen stylus beserta casing.

PENUTUP

Hadirin dan mahasiswa yang dikasihi sekalian,

12. Saya berharap agar urusan pengagihan seterusnya kepada baki keseluruhan 5,694 penerima di bawah institusi pengajian KPLB dapat disegerakan dan seterusnya dimanfaatkan oleh para penerima. Saya mengesyorkan semua institusi pendidikan

KPLB bertindak secara pro-aktif dengan pihak KPLB dan K-KOMM dalam memastikan urusan pengagihan ini berjalan lancar.

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak UNIKL dan semua yang terlibat dalam penganjuran majlis pada hari ini, dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia sebagai kementerian pelaksana inisiatif perantisiswa ini.
14. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan untuk menfaat golongan muda dalam memudahkan perjuangan mereka menimba ilmu dan seterusnya menyumbang bakti kepada keluarga dan negara.
15. Dengan kata-kata itu tadi, saya akhiri ucapan dengan lafaz, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh.